Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya saya hendak menyebutkan sadikit di-bawah Head 118 ini ia-itu di-bawah Training—latehan² bagi pegawai² muda ia-itu Youth Leadership Training. Saya suka menyokong apa yang di-sebutkan oleh sahabat saya daripada Ulu Kelantan ia-itu berkenaan dengan pechahan²-kepala supaya latehan² itu di-masokkan juga semangat² ugama. Bila saya sebutkan semangat ugama atau pun ajaran ugama tidak-lah saya maksudkan hanya ugama Islam. Tiap² ugama mengajar akhlak² yang baik kapada pemuda², kerana kekuatan angkatan baharu ada-lah tergantung kapada ajaran² yang menjaga akhlak yang samacham itu. Tuan Pengerusi, gunanya ajaran ugama itu bukan-lah hendak jadi lebai² atau hendak jadi sami² atau pun jadi pengganti² Budha, tetapi ia-lah supaya mereka itu dapat menjaga batas² pergaulan, sa-hingga mereka itu dapat menghormati apa yang patut di-hormati walau pun mereka itu bergaul antara dua jenis yang berlain, mereka memegang satu dasar apa yang di-katakan beauty is to see not to touch and the flower is to smell not to pluck—chantek hanya untuk di-pandang tidak untuk di-tem-poh dan bunga yang harum itu untuk di-chium tidak-lah untuk di-petek.

Tuan Pengerusi, ada lagi satu berkenaan Pachahan-kepala 6—National Museum atau Muzium Negara. Kita ada satu perkara, Tuan Pengerusi, yang ada di-Perak, Tuan Pengerusi pun tahu, saya malu hendak sebutkan di-sini, tetapi untuk maksud ini saya minta ma'af hendak sebutkan ia-itu di-Kemunting. Jalan Kemunting hendak pergi ka-Taiping, di-Penjara Besar ada satu keramat di-situ yang nama-nya tidak patut sangat saya sebut, tetapi orang² Perak tahu keramat itu kuat pengaruh. Kalau dia ada di-dalam lubang itu kalau boleh kita bawakan

batu² itu simpan supaya menjadi barang dalam muzium ada-lah baik ia-itu Keramat To' Bidan Susu Lanjut—semua orang tahu. Itu menunjukkan bahawa simbol bagi wanita bagi Malaysia—bagi Tanah Melayu pada masa dahulu, kepada orang yang subur ia-lah orang yang banyak susunya, dan ini di-kunjongi oleh semua penduduk² dengan tidak kira ugama. Lebih elok-lah kalau kita bawa To' Pekong Sheikh Abdullah itu menjadi simbol perpaduan kita, tetapi itu tidak ada, Tuan Pengerusi—saya dukachita.

Ada pun berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, saya lagi sa-kali hendak merakamkan terima kasih saya kepada kechergasan pehak perwakilan kita di-Manila ia-itu yang kita tahu sa-orang bekas ahli politik yang chergas menjadi sa-orang diplomat dan saya pandang di-Bangkok patut-lah lagi kita tambah sedikit perbelanjaan itu dan pegawai²-nya, bukan pegawai² itu tidak chekap dan tidak baik, tetapi kalau kita boleh beri tambah lagi pegawai² yang lebih chekap lagi, supaya kedudukan nama baik kita di-situ ada bertambah baik, kerana Bangkok ini bagi Timor Jauh sama juga dengan Beirut di-Timor Tengah tempat perchantuman berbagai² negeri. Kalau di-Beirut itu menjadi tempat Baghdad Pact, maka kita di-Bangkok itu-lah menjadi pusat SEATO dan saya suka pegawai² diplomat kita di-situ terdiri daripada orang² yang baik dan yang chekap.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya dukachita ia-itu di-dalam pameran perusahaan antara bangsa di-Bangkok, pegawai² kita tidak chukup, saya tidak tahu ada-kah ini menjadi tanggongjawab Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, tetapi boleh-lah juga saya kaitkan dengan hal ehwal luar negeri ia-itu barang² yang di-pamerkan itu pegawai² daripada Kedutaan kita, kita pergi ada yang di-pinjam daripada Bangkok dan dia tidak tahu apa dia—dia tidak tahu apa dia barang² yang hendak di-cheritakan itu. Apabila saya masok ka-situ ada tanda di-sini Malaysia dia mari. Bila saya cheritakan benda² bagini, dia terlupa yang dia itu bertugas untuk memberi tahu kepada

orang, dia ikut saya sampai keluar. Jadi, ini amat-lah tidak baik dan yang pelek-nya bila saya tanya pegawai² ini mencheritakan ini-lah barang² yang di-beri malulu Hal Ehwal Luar Negeri, gambar² yang di-pamerkan itu bangunan Straits Times, Kilang Kasut Bata. Apa ada kena-mena dengan surat khabar *Straits Times* di-situ? Jadi, ini-lah saya harap Kementerian Luar kita akan memandang perkara² yang macham ini patut di-gantikan pegawai² yang lebih chekap lagi.

Tuan C. John Ondu Majakil (Sabah):

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan mengalu²kan perbelanjaan Kementerian ini. Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya banyak senang hati bila saya dapat mengetahui ia-itu \$200,000 akan di-untokkan pada persatuan belia di-Sabah yang mana saya selalu berharap kerana saya ada bertanya di-Dewan ini juga tidak berapa lama dahulu. Saya fikir, Tuan Pengerusi, kami pemuda dan pemudi di-Sabah banyak senang hati kerana dapat peruntokan ini yang di-adakan tidak berapa lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyebutkan sedikit berkenaan dengan hal kebudayaan. Di-Malaysia Barat ini dan di-Sarawak ada-lah mempunyai muzium yang terator sa-bagai Muzium Negara dan State Muzium Sarawak, tetapi kami di-Sabah belum lagi ada muzium yang tertentu atau terator dan muzium yang ada itu bertempat di-loting kedai sahaja. Jadi, di-sini-lah saya juga merayu atau berchadang kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu memberi bantuan kepada kami di-Sabah supaya kami boleh dapat mengadakan muzium yang terator.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya juga suka berchapak sedikit berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, yang mana kita tahu semua, Tuan Pengerusi, kita sudah mengadakan wakil² di-banyak negeri², tetapi nampak-nya di-negeri Brunei yang mana dekat dengan kita ini atau boleh di-bilangkan di-tengah kita ini belum lagi kita mengadakan satu wakil yang boleh melihat atau menyelesaikan hal² warganegara kita

di-situ, sa-kurang²-nya, Tuan Pengerusi, kita boleh-lah mengadakan satu representative atau wakil di-negeri itu dan dari sini saya fikir nampak-nya kita akan bersaudara atau berkawan dengan negeri itu lebeh rapat lagi.

Tuan Pengerusi, di-waktu lawatan saya di-negeri Brunei banyak-lah warganegara yang berasal dari Malaysia banyak susah mendapat Malaysian citizen kalau anak² mereka itu dilahirkan di-negeri Brunei, kerana Jabatan Immigration kita mahu-lah kanak² itu bawa balek ka-Sabah untok di-tengokkan kapada pegawai² itu dan baharu-lah pegawai² itu perchaya betul anak itu di-lahirkan di-Brunei oleh warganegara kita di-Malaysia. Jadi, itu-lah sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, saya minta-lah pertimbangan supaya kita boleh mengadakan wakil di-negeri itu. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said (Rembau-Tampin): Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap ia-itu Kepala 118, Pechahan 4 ini di-mana baharu saya dengar Menteri ini berchakap tadi Pusat² Bagi Berbagai Guna ini hendak di-dirikan di-pantai timor, di-Ipoh, dan di-Kangar, di-mana di-Negeri Sembilan sana boleh dikatakan tiap² daerah ada mempunyai Pusat² Daerah tetapi manakala mereka hendak berkumpul kerana meshuarat pada satu tempat dukachita sangat-lah terpaksa mereka meminjam balai² atau pun rumah² sekolah di-Seremban sana. Saya berharap-lah kapada pehak Kementerian ini jangan melupakan Negeri Sembilan bagi selatan Malaysia ini. Sekian sahaja, terima kaseh.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya chuba menjawab beberapa pandangan yang di-beri tetapi suka-lah saya mengatakan ada beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari ini telah membawa perkara² yang saya rasa terkeluar daripada perkara² yang butir-nya di-dalam perkara yang hendak kita bahathkan pada hari ini. Jadi perkara² bagitu, saya rasa, tidak-lah dapat hendak saya jawabkan.

Terutama sa-kali saya menarek pandangan Ahli Yang Berhormat dari

Raub berkenaan dengan Muzium ia-itu kutipan barang² bersejarah dan juga minta supaya pehak saya membacha sa-mula ucapan Yang Berhormat pada tahun lepas. Suka-lah saya menerangkan pehak Muzium dan juga pehak Kementerian ini memang-lah telah mengkaji dan sangat menghargai pandangan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat daripada Raub dan beberapa Ahli Yang Berhormat lagi pada masa yang lepas, dan perkara ini di-ambil pandangan. Tetapi dukachitanya oleh kerana keadaan² yang di-luar daripada kuasa Kementerian ini, maka segala ranchangan² yang di-minta daripada pehak Perbendaharaan dan lain² lagi itu tidak dapat di-beri oleh kerana keadaan kewangan kita tidak mencukupi. Suka-lah saya menyatakan kalau tidak salah-nya perbelanjaan untok membeli barang² tiap² tahun bagi Muzium ini hanya \$5,000 sahaja yang telah di-luluskan oleh pehak Perbendaharaan. Jadi dengan wang sa-banyak itu memang-lah sangat tidak dapat memberi puas hati jikalau kita hendak mengadakan himpunan atau kutipan yang chukup bagi tiap² tahun. Walau macham mana pun saya perchaya-lah jikalau kewangan negara kita ini beransor² baik, sehat, bertambah² dari sa-tahun ka-satahun, maka langkah² yang lebeh murah lagi akan dapat di-adakan.

Suka juga saya menarek perhatian dalam perkara pokok Muzium, ini di-sa-paroh² negara yang maju sa-lain daripada pembelian oleh pehak Muzium, biasa-nya orang² dermawan suka memberi bantuan² derma sama ada berupa kewangan atau pun barang² perbakala atau barang² yang istimewa. Jadi dalam negeri ini, saya rasa satu daripada chara-nya untok mengatasi perkara kesulitan ini ia-lah dengan ahli² yang dermawan, baik kaya atau miskin, sebab miskin pun boleh juga memberi bantuan ia-itu bukan dengan wang ringgit tetapi jikalau ada barang² yang di-fikirkan patut boleh-lah memberi bantuan kapada Muzium ini. Dan Ahli² Yang Berhormat sendiri pun jikalau ada hendak memberi bantuan boleh-lah sama ada dengan sa-chara mengingatkan orang² dalam kawasan masing² supaya memberi-lah apa² juga perkara²

yang di-fikirkan patut kapada pehak Muzium ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Kelantan membangkitkan soal kebijaksanaan mengadakan bangunan Pusat Pelbagai Guna di-negeri Kelantan bertempat di-Pengkalan Chepa yang mengikut kata beliau jauh dan tempatnya tidak begitu sesuai. Suka-lah saya menyatakan perkara ini berhubung dengan site atau pun berhubung dengan mendapatkan satu² tempat, memanglah susah bagi Kementerian ini hendak mendapatkan tempat dalam tiap² negeri, kerana tempat² dalam negeri² seperti di-Kota Bharu itu boleh dikatakan tempat² dalam bandar Kota Bharu sendiri di-punya'i oleh orang² bersendirian atau pun telah di-gunakan untuk lain² perkara. Jadi jikalau kita hendak beli tempat dalam Kota Bharu sangat susah-lah untuk kawasan sa-luas 10 ekar, sebab itu terpaksa-lah di-chari tempat² yang tidak mahal harga-nya atau tempat² yang boleh di-beli oleh pehak Kerajaan. Di-Kota Bharu ini kita dapat daripada Kerajaan Kelantan dengan perchuma, jadi chuma bayaran token sahaja sa-banyak \$1.00 pada satu ekar dan tempat ini pun saya rasa tidak begitu jauh chuma dengan bus kalau tidak salah 50 sen sahaja. Jadi, walau macham mana pun boleh saya ambil pandangan jika di-fikirkan tidak begitu munasabah. Di-sini memang-lah saya tahu banyak negeri² lain lagi berkehendakkan pusat ini dan boleh-lah kita edarkan negeri lain. Tetapi jikalau di-fikirkan munasabah dan banyak rakan² yang berkehendakkan-nya akan di-timbangkan di-negeri Kelantan.

Berkenaan dengan pegawai² di-Pusat² Latehan itu di-minta bukan sahaja mempunyai ijazah tetapi mempunyai kebolehan. Suka-lah saya menyatakan memang-lah dalam syarat² yang di-buat oleh pehak Kerajaan sa-lain daripada ijazah yang berkenaan ia-lah juga kebolehan dalam lapangan yang tertentu, itu ia-lah menjadi dasar Kerajaan yang di-ambil, saya rasa, dalam mana² bahagian pun.

Berkenaan dengan Angkatan Pelupor supaya di-adakan pelajaran ugama, suka-lah saya menyatakan perkara ini memang-lah di-ambil perhatian berat,

dan dalam ranchangan-nya angkatan ini mengadakan bangunan² sendiri, sekarang mengadakan bangunan tempat tinggal atau asrama-nya, tempat dewan perhimpunan dan tempat itu akan di-adakan satu tempat untuk beribadat yang di-buat oleh mereka itu. Di-haraplah sa-orang guru akan dapat mengajar dalam lapangan ini, atas perhatian beliau dalam perkara ini saya menghargai.

Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu memberikan pandangan², satu daripada-nya supaya latehan² gerakan badan Karate, Tae-Kuan-Do dan sebagainya untuk mengatasi, kata beliau, mengajar orang² yang ta' menghormati Lagu Negara dan sa-macham itu. Ini saya rasa latehan memang-lah di-beri, tetapi chara² untuk perkara itu banyak lagi perkara² yang sesuai boleh di-buat dan sa-bagaimana beliau juga saya rasa sa-orang yang bertanggung-jawab dalam pentadbiran yang mempunyai rasa tanggung-jawab dalam pentadbiran negeri, maka hendak-lah kita mengadakan sa-suatu itu dengan bijak, bukan hanya kita tahu berchakap sahaja, tahu bertanggung-jawab dan tahu pula akibat dan natijah-nya daripada tindakan kita itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara minta sa-lain daripada ada-nya Pusat Bangunan Belia di-sana juga adakan kutub-khanah, atau pun perpustakaan. Ini ia-lah satu pandangan baharu. Memang-lah untuk kutub-khanah itu kalau untuk sa-sabuah Negeri, biasa-nya di-beri oleh orang ramai di-situ. Saya chadangkan Yang Berhormat Ahli daripada Perlis itu patut sangat-lah mengetahui dengan mengadakan satu perjumpaan orang² di-Perlis mengutip derma dan lain² lagi dan mengadakan kutub-khanah-nya. Ini-lah satu anjoran yang baik, tetapi untuk Kementerian ini membuat-nya, saya rasa di-luar daripada tugas kita, tetapi walau macham mana pun, pehak Kementerian ini suka-lah pemuda-nya, suka kapada pembacaan dan kalau pun di-adakan bukan-lah sa-bagai kutub-khanah negara, kita adakan jikalau keadaan mengizinkan chabang untuk pembacaan perpustakaan kapada belia², atau ahli² sport dan

kebudayaan yang ada chenderong kepada pembachaan.

Yang Berhormat daripada Bachok, bagaimana biasa, menerbitkan pula cherita Keramat Tok Bidan Susu Lanjut kali ini. Saya tidak tahu-lah bagaimana rupa-nya Susu Lanjut itu. Beliau telah pergi dan menyiasat perkara ini, chuma yang saya suka menarek perhatian pehak Museum ini bagaimana jawapan saya kepada Yang Berhormat daripada Raub tadi-lah, ia itu kekurangan² kita berkurangan dan perkara himpunan barang² dan sa-bagai-nya; itu bergantung-lah daripada sa-masa ka-samasa.

Yang Berhormat daripada Sabah, saya terima kaseh-lah atas ingatan Yang Berhormat itu, chuma saya hendak mengingatkan wang \$200,000 ini bukan wang untuk memberi bantuan atau grant kepada badan² belia, kebudayaan dan sukan di-negeri Sabah. Ini ia-lah wang untuk pembangunan sa-buah bangunan di-Jesselton dan belanja-nya bukan sa-benar-nya \$200,000 tetapi kalau ta' salah-nya \$375,000. \$200,000 ini ia-lah permulaan bagi tahun ini dan akan di-tambah lagi pada masa akan datang. Bangunan itu akan mula² di-jalankan dalam bulan ini dan saya harap-lah walau pun tidak dapat di-sempurnakan dalam tahun ini, tetapi sa-paroh lebeh kerja-nya akan dapat di-laksanakan dalam tahun ini, terutama sa-kali tentang meratakan tempat² dan mengadakan bangunan untuk dewan dahulu.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat itu perkara perwakilan di-Brunei, ini ia-lah bagaimana saya katakan tadi perkara yang di-luar daripada perbahathan kita. Kementerian Luar pada pagi ini ia-lah sa-mata² berkenaan dengan mengadakan bangunan dan office dalam perwakilan² di-luar negeri dan tidak meliputi perkara² perwakilan dan sa-bagai-nya. Sa-patut-nya perkara ini jikalau Yang Berhormat hendak berchakap di-dalam masa perbelanjaan biasa yang telah di-luluskan dahulu.

Yang Berhormat daripada Rembau-Tampin minta supaya pehak Negri Sembilan tidak di-lupakan. Suka-lah saya menyatakan memang perundingan²

telah di-adakan dengan Kerajaan Negri Sembilan, Yang Berhormat Setia-usaha Kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar dan Menteri Besar, tetapi Negri Sembilan ini kesusahan-nya ia-lah kerana kesusahan hendak mendapatkan tempat. Satu perkara yang mendukachitakan kita ia-lah di-Negri Sembilan, di-Melaka, di-Kedah dan di-Pahang, tempat² untuk mengadakan bangunan dan juga kawasan kerana mengadakan satu padang yang mempunyai chukup untuk latehan olah raga dan bola sepak dan sa-bagai-nya itu ta' dapat hendak di-adakan, kerana untuk kawasan bagini menghendaki antara 8 hingga 10 ekar. Jadi, bagi Seremban ini dalam Ibu kota-nya itu telah begitu penoh dengan bangunan² dan terlampau tinggi harga-nya bagi masa sekarang ini belum lagi di-dapati, tetapi saya di-beritahu rundingan² sa-chara yang lebeh lanjut lagi sedang di-adakan pada masa sekarang ini, chuma yang saya hendak tegaskan tidak-lah dapat pehak Kementerian, atau pun Kerajaan Pusat hendak mengadakan bangunan² belia di-daerah² saperti di-Rembau, di-Port Dickson dan lain² lagi. Apa yang boleh kita buatkan ia-lah di-Ibu² Kota Negeri² sahaja. Bagi daerah² itu, saya rasa boleh-lah di-gunakan bangunan² balai raya, dan lain yang telah di-buat dengan bantuan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan lain² lagi itu. Bangunan² yang demikian memang-lah di-buat untuk kegunaan semua pehak termasuk balai² pemuda dari apa gulongan sahaja ra'ayat negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya kemukakan-lah Kepala 118 dan Kepala 150 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$2,200,000 for Head 118 and \$710,796,019 for Head 150 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Heads 119, 120 and 151—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Finance (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon mengemukakan Kepala 119, Kepala 120 dan Kepala 151 bersama² sa-kali.

Berhubung dengan Kepala 119—Perbendaharaan, Pechahan-kepala 1—Electronic Computer bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri, maka Ahli² Yang Berhormat sakalian mungkin maseh ingat lagi bahawa pada mesnuarat Dewan ini yang di-adakan dalam bulan Ogos, 1966 dahulu, peruntukan sa-banyak \$1,085,040 telah pun di-luluskan kerana membeli dan memasang sa-buah Electronic Computer untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tambahan wang sa-banyak \$137,714 yang di-kehendaki sekarang ini ia-lah untuk membeli alat² kelengkapan dan tambahan untuk Computer itu dan juga untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan menyediakan tapak bagi Electronic Computer yang tersebut itu.

Kepala 120—Kastam dan Eksais di-Raja, di-sini sa-benar-nya ada tiga Pechahan-kepala yang terlibat ya'ani Pechahan-kepala 1, 2 dan 4. Pechahan-kepala 1—Pejabat² dan Rumah² Kastam berkehendakkan peruntukan sa-banyak \$2,350,000 untuk membena rumah² kaki-tangan di-Padang Besar, Port Swettenham, Butterworth, Melaka dan Kuala Lumpur; Pelabohan Ayer Dalam di-Butterworth; Pejabat Penche-gah yang baharu di-Pulau Pinang; dan juga untuk membeli tanah di-Kuala Trengganu untuk mendirikan rumah² kaki-tangan² di-sana. Pembinaan Pelabohan Ayer Dalam di-Butterworth itu ada-lah meliputi juga pembinaan sa-buah bangunan pejabat dan perojek ini akan di-jalankan oleh Surohanjaya Pelabohan, Pulau Pinang. Jabatan Kastam akan hanya bertanggung-jawab membayar perbelanjaan bagi ruang pejabat ini di-tingkat pertama di-bangunan pejabat itu. Pembinaan Pejabat Penche-gah yang baharu ini ada-lah untuk Chawangan Penche-gah Jabatan Kastam di-Pulau Pinang yang pada masa ini tidak mempunyai pejabat dan kemudahan² yang sempurna.

Berkaitan dengan Pechahan-kepala 2—Pembelian kapal² ya'ani Launches, Land Rovers, alat² wireless dan lain² lagi, bagi penggunaan untuk menentang penyeludupan—wang sa-banyak \$250,000 ada-lah di-kehendaki bagi memperkukuhkan lagi kemudahan²

pengangkutan darat dan laut yang sangat penting bagi menjalankan usaha² menentang penyeludupan itu.

Saya suka merujuk kepada Pechahan-kepala 4—Maktab Latehan Kastam di-Raja di-Melaka. Di-bawah pechahan-kepala ini, wang sa-jumlah \$400,000 ada-lah di-kehendaki untuk meluaskan pejabat dan asrama dan bilek² darjah di-maktab yang tersebut itu, juga untuk membena rumah² kaki-tangan dan membeli perabut dan kelengkapan lain yang mustahak.

Kepala 151—Kumpulan Wang Terkejut. Wang sa-banyak \$40 juta telah di-peruntukkan bagi Kumpulan Wang Terkejut. Wang ini akan di-pergunakan hanya jika di-dapati dalam tahun ini sangat² perlu untuk membekalkan fund tambahan atau baharu yang ranchangan-nya tidak chukup atau pun tiada di-peruntukkan dalam Anggaran ini.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, sa-barang perbelanjaan daripada kumpulan wang ini hendak-lah kemudian-nya di-kemukakan kepada Dewan ini sa-bagai Anggaran Tambahan. Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit di-bawah Kepala 120, Pechahan-kepala 1 ia-itu Pejabat Kastam dan Quaters—rumah bagi mereka.

Tuan Pengerusi, Pejabat Kastam yang ada di-Kota Bharu sekarang ini ia-lah satu pejabat yang sangat burok yang menyedehkan mata orang yang memandang, pula kechil, dan ada-lah bangunan ini, kalau ta' salah fahaman saya, ia-lah bangunan yang telah di-dirikan lepas daripada peperangan dunia yang pertama dahulu. Mula²-nya di-gunakan sa-bagai lock-up tempat tahanan orang. Tetapi, akhir-nya sa-telah Pejabat Polis itu di-pindahkan kapada tempat yang ada sekarang ini, maka rumah itu di-gunakan sa-bagai Pejabat Kastam. Dan Pejabat Kastam ini burok dan kechil dan tidak sesuai dengan masa-nya, dudok-nya di-hadapan Padang Merdeka di-Kota

Bharu. Padang Merdeka di-Kota Bharu ini ia-lah satu padang yang sakalian perayaan tiap² tahun, sama ada perayaan yang bersangkutan dengan Kerajaan Pusat mahu pun perayaan² dan keramaian² yang bersangkutan-paut dengan Kerajaan Negeri, semua-nya di-adakan di-dalam padang ini. Dan berpuluh² ribu manusia-lah yang hadir di-dalam keramaian dan perayaan ini, tetapi bangunan yang mula² sa-kali mereka itu dapat melihat ia-lah bangunan Kastam ini, yang burok, yang tidak sesuai dengan masa. Jadi, kita tahu bahawasa Pejabat Kastam di-Kelantan dapat wang tiap² tahun daripada chukai berpuluh² juta ringgit banyak-nya. Oleh sebab yang demikian, saya fikir baik-lah Menteri ini mengadakan satu peruntukan untuk mendirikan satu Pejabat Kastam yang baharu yang sesuai dengan masa. Kerana, sa-bagaimana yang saya dengar keterangan yang telah dikemukakan oleh Setia-usaha Parlimen kepada Kementerian Kewangan ta' ada sebut sedikit pun tentang bangunan Pejabat Kastam yang di-Kota Bharu itu.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Baharu Barat): Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya suka berchakap dalam satu perkara sahaja—muka 18, ia-itu Pechahan 2 di-sambungkan, dengan izin Dato' Pengerusi, Pechahan 4, ia-itu Purchase of Launches, Land-rovers dan sa-bagai-nya dan juga Royal Custom Training College.

Bagaimana telah di-terangkan oleh Setia-usaha Parlimen, ia-itu wang² itu akan di-belanjakan, satu daripada-nya kerana mengadakan Pejabat Penche-gah di-Pulau Pinang.

Belum berapa hari yang lalu saya ada berchakap berkenaan penyeludupan yang telah menjadi² di-Johor Baharu, sa-hingga mereka itu berani membawa barang² itu di-turunkan dihadapan hospital, ia-itu barang² penyeludupan. Saya takut, dan saya per-chaya ahli² dan pakar² penyeludup ini datang dari Pulau Pinang ka-Selat Teberau sana. Dan saya harap supaya sa-bahagian dari wang² ini, dengan sa-

cepat mungkin dapat di-gunakan membeli speed² boat dan senjata api untuk menche-gah penyeludupan, bukan sahaja beratus ribu bahkan bermillion ringgit harga barang² telah di-seludup-kan ka-Malaysia—ini memberikan kerugian yang besar kepada negara kita.

Penyeludupan di-Selat Teberau, kita boleh bandingkan sama juga penyelu-dupan yang telah terjadi di-Pulau Pinang. Baharu² ini apabila Pulau Pinang mengadakan sekatan yang ketat, saya perchaya mereka itu telah berpindah di-sana. Dan kaki-tangan Kastam di-sana yang saya tahu hanya dua puluh orang sahaja sa-bagai Pegawai² Penche-gah Penyeludupan itu. Patut pegawai² ini di-tambah lagi sa-hingga ka-angka sampai lima puluh orang. Bukan sahaja di-tambah, bahkan mesti-lah di-masokkan di-dalam Royal Custom Training College supaya mereka tahu menggunakan senjata api, dan senjata otomatik pun di-beri juga, dan di-beri kuasa yang penoh kepada mereka itu menjalankan tugas-nya.

Selat Teberau itu hanya 3/4 batu sahaja daripada Johor Baharu ka-Singapura, dan panjang-nya lebeh kurang tiga puluh batu. Ini berkehendakkan banyak boat² yang laju dapat mengejar penyeludup² itu. Kalau tidak, kita akan kehilangan chukai² yang patut kita dapat. Untuk men-jalankan penche-gahan itu hendak-lah di-jaga 24 jam terus menerus, tetapi dengan pegawai² yang ada tidak lebeh daripada 20 orang itu tentu-lah tidak chukup kaki-tangan-nya.

Juga, kalau kita lihat tempat pemeriksaan lori² yang masok daripada Singapura ka-Johor Baharu, saya memerhatikan tidak kurang daripada sa-ribu buah lori tiap² hari masok ka-Pejabat Kastam di-tempat pemeriksaan lori. Kalau satu lori sahaja di-pereksa lebeh kurang lima minit ini, akan memakan masa lima ribu minit. Ini tentu-lah tidak chukup, sebab apa, kaki-tangan-nya tidak chukup dan tempat memereksa lori itu pun ta' chukup juga. Ini patut di-perbesarkan, supaya dapat lori² itu dapat di-pereksa dengan sa-chukup-nya. Ini akan menambahkan lagi hasil negara

kita. Ini sangat mustahak, Dato' Pengerusi. Dengan keadaan yang samamacham ini, sa-olah² kita galakkan rasuah. Sebab mereka hendak lekas, tiap² lori hendak lekas, tentu-lah perkara yang tidak di-ingini akan terjadi. Tetapi, saya perchaya tidak-lah sampai bagitu. Perkara ini boleh diperbetulkan, ini akan mendatangkan hasil yang lebih kapada negara kita. Saya rasa telah sampai masa-nya bagi pehak Kementerian ini mengambil tindakan yang sa-berapa chepat supaya dapat kita mengelakkan perkara² penyeludupan yang menjadi² di-Johor Baharu.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, I fully support, like the previous speaker, this expenditure of \$250,000 for the purchase of launches, land rover, wireless sets, etc., to combat smuggling. We all know that the smugglers are now a little more wiser, richer and more powerful, in that they also have speed boats to outspeed those of the Customs officers. But there is one aspect of smuggling, which is not quite smuggling, that I wish to draw the attention of the House, in particular the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, and I refer to the evasion of Customs duties that occurs not at Customs points, but at Headquarters itself. To give an example, I have tabled a question for oral answer regarding the import of mosquito destroyer. I am merely giving an example, because I shall be asking the Minister of Finance to give an account of this. In the manifest papers, they declared that mosquito destroyer as joss powder. Now, there is a vast difference between joss powder and mosquito destroyer. Consequently—this can only happen if there is collusion in the Headquarters—thousands of dollars go untapped by the Customs Department. Now, we are quite rightly concerned with the smuggling that goes on at the various points along our coastal areas. None other than the Member for Tanjong has suggested that a part of this sum of \$7,000,000 that is spent on intelligence might well be spent on employing intelligence agents to look after the activities of the Customs officers, as all the evasion

and collusion that goes on at that level is nothing compared to these big sums. Supposing a big shipment of goods comes in, worth millions of dollars, and it is either under-declared or falsely declared, then one can see how much in terms of tens of thousands of dollars the Government losses by way of revenue. This is an aspect that I commend to the Ministry of Finance, and I would urge them to take rigorous action, and however big and eminent the officer concerned may be high up in the hierarchy of the Customs Department, he should be brought to book, if it can be proved that he is acting in collusion with importers, who are either under-declaring the goods or falsely declaring the goods.

The other thing that I wish to bring to the attention of the Parliamentary Secretary is this. A report that appeared in the *Straits Times* a few days ago of a fatal shooting that occurred in Penang in connection with some smugglers. I am told—and here I stand corrected because I am not from Penang—that the person actually was not a smuggler. Naturally, Sir, if one is pursued by anybody, be he a Police or Customs Officer, one gets frightened and the first reaction of any person is to run away, and this chap, it seems, ran away and he ran into the sea, the car went into the sea, he got out of the car, and the shooting began and he was shot through the head. Now, I am not blaming the Customs for it. I am only saying that the Ministry should investigate. No doubt, a Coroner's inquiry will take place, but the Ministry of Finance should investigate into this matter to see that no undue force is used. I am all for tackling the smugglers vigorously but, for example, if a chap has driven his car into the sea, the car has sunk down and the man's head bobs out, it is pointless to shoot at him because you can catch hold of him when he comes to the shore. Now, these are the two matters that I wish to bring to the attention of the Parliamentary Secretary.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun ini hendak menyertai apa yang

di-katakan oleh Yang Berhormat dari Kelantan Hilir bahawa bangunan Pejabat Kastam di-Kota Bharu itu asal-nya Pejabat Polis dan bukan Balai Polis yang di-gunakan untuk menyimpan atau mengurong orang² yang salah. Yang sa-benar-nya bangunan itu bangunan yang tua dan saya chukup sokong Ahli Yang Berhormat ia-itu patut kita mengadakan satu bangunan baru. Bangunan itu asal-nya Pejabat Ketua Pegawai Polis di-Kelantan dahulu. Sa-benar-nya bangunan itu tua dan suka-lah saya menyokong kuat kalau sa-kira-nya kita ada wang patut kita mengadakan satu bangunan baru. Itu sahaja yang saya hendak tolong menyertai. Terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I would like to speak under Head 120, Sub-head 2—Purchase of Launches, Land Rovers, Wireless sets, etc., for Anti-smuggling.

Mr Chairman, Sir, every year, we have heard the Minister of Finance telling us of improvements done to his Department, in particular in respect of anti-smuggling. We have yet to hear from him the setting up of higher efficiency in his Ministry, in particular the Customs Department has the improvement of the efficiency in the Customs Department and the various units in general. Sir, while the purchasing of equipment is the approach to the scientific method of plugging up the loopholes of drainage of our national finance and revenue, we must also study the human factor. I would like to recommend to the Minister the setting up of a close circuit television at the Johore point, where the multiple complex unit is coming up, controlling immigration as well as Customs, and at Port Swettenham and at Butterworth. These close circuit television may cost the most about a hundred thousand dollars, but the money will be well spent. The revenue earned with these necessary precautions will give closer control and supervision and will result in a tremendous increase of revenue. I am saying this, Sir, not to cost a slur or reflection on the integrity of the officers. I am saying this, because the senior offices may not have enough eyes to supervise the officers making

decisions. Coming to decisions, I would like to say this: the officers may have got to go back to the training school, as some of them may not know the book of classifications well enough. Some of them may just guess the classification as to whether certain items is taxable or not and the amount of the rate of taxation, or duties. So, an officer may just guess a certain amount and if his guess were challenged, he may presume that the citizens, or the public, know too much, and there is a tendency to exert the authority too far. Therefore, a close circuit television will give a closer supervision and may result in higher efficiency and, perhaps, that will uplift the Royal Customs Department tremendously, and the word "Royal" may be very befitting the Customs Unit, if efficiency is highly maintained. Thank you, Sir.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan menyokong peruntukan perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh pihak yang berkenaan. Saya mengambil kesempatan mengucapkan banyak terima kaseh atas ranchangan Kementerian ini untuk mendirikan beberapa buah rumah pegawai² dan kaki-tangan² kastam di-Padang Besar kerana rumah² yang ada, saya dapati, tidak-lah begitu sesuai lebeh² lagi menjadi rendah bagi pandangan negeri jiran kita ia-itu Thai dan merendahkan pandangan pelanchong² yang senentiasa menumpu di-situ pada tiap² hari dan tiap² minggu.

Di-samping itu saya mengambil kesempatan mengucapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh di-atas khidmat yang chemerlang pegawai² dan kaki-tangan kastam yang ada di-Padang Besar itu yang bertugas dengan chara bersungguh² walau pun Padang Besar, kita tahu, satu tempat yang paling susah sa-kali bagi pegawai² kastam mengawal-nya kerana sempadan-nya amat luas dan panjang tetapi dengan sebab kebijaksanaan itu-lah maka dapat menchegeh beberapa penyeludupan yang senentiasa berlaku di-situ. Sementara itu saya berseru-lah kepada pihak yang berkenaan supaya menambahkan lagi alat² mengesan

barang² yang di-larikan daripada chu-kai². Beberapa perkara lagi yang dapat di-tinjau barang² yang di-larikan oleh pehak yang melarikan chu-kai tadi ini, siang dan malam, terutama sa-kali pada waktu malam, umpama-nya, ada sa-buah bangunan peninjau barang² chu-kai yang di-larikan pada waktu malam. Begitu juga alat² keselamatan diri bagi mereka itu. Satu bangunan lagi yang saya rasa perlu di-dirikan oleh Kerajaan ia-itu setor menyimpan barang² rampasan. Sa-panjang lawatan saya di-Padang Besar, pejabat itu-lah juga setor dan tempat menyimpan barang² rampasan di-situ-lah juga yang mana membawa pandangan yang amat burok sa-kali lebeh² lagi ada sa-tengah² barang dan basikal burok, umpama-nya, barang² burok itu di-simpan di-situ hampir² tiga empat bulan tidak di-adakan bichara dan tidak di-ambil apa² langkah. Begitu juga barang² yang lain sa-hingga berbulan² lama-nya tidak dilelong dan juga tidak di-ambil sa-barang langkah yang saya rasa merugikan pehak Kastam sendiri, pehak Kerajaan sendiri. Yang demikian saya meng-shorkan supaya di-buat sa-buah bangunan setor khas untuk menyimpan barang² rampasan itu berasingan dengan pejabat yang ada pada hari ini.

Perkara yang kedua, saya sukachita menarek perhatian pehak Kementerian yang berkenaan berhubung dengan Head 151 ia-itu Perbelanjaan Mengejut. Saya rasa perbelanjaan mengejut ini patut-lah pehak Kementerian ini memberi pertimbangan terhadap nasib rumah² Pegawai Pasokan Keselamatan—ashkar dan polis—yang sa-tiap masa, sa-tiap ketika, kita mengadakan meshuarat di-Parlimen ini banyak Ahli² Yang Berhormat bersungut tentang kekurangan bekas² pasokan keselamatan kita.

Sa-lain daripada gaji dan layanan² hidup, juga bersangkut paut dengan rumah² tempat tinggal mereka itu terutama sa-kali bagi polis yang mempunya² anak begitu banyak dan tanggungan yang banyak lebeh² lagi ashkar yang berpangkat jawatan rendah dengan \$20 sa-bulan mendapat sewa rumah itu. Jadi, mereka itu pun mesti menjaga disiplin, mesti menjaga taraf hidup mereka itu maka terpaksa-lah mereka

itu menyewa rumah² yang tidak sesuai di-luar yang jauh daripada camp untuk membawa anak isteri mereka itu duduk di-situ. Jadi dengan sebab itu saya rasa jatuh-lah meruah bagi pasokan keselamatan kita kalau di-biarkan begitu sahaja.

Jadi, saya merayu-lah supaya pehak Kerajaan dapat mendirikan quarters atau rumah² bagi mereka itu supaya keadaan mereka itu hidup dengan lebeh sempurna untuk meninggikan taraf pasokan keselamatan kita yang kita harap akan bertugas untuk menjaga keamanan dalam negeri ini. Jadi, dengan chara itu saya rasa taraf kedudukan bekas ahli² pasokan keselamatan kita itu akan lebeh tinggi dan mereka itu akan lebeh suka lagi berkhidmat dengan chara yang bersungguh terhadap negara dan bangsa pada masa yang hadapan.

Sa-lain daripada rumah dan tempat tinggal bagi pasokan² keselamatan kita, saya suka merayu lagi satu shor saya beberapa tahun yang lalu berhubung dengan sekolah khas bagi anak² tentera dan pasokan polis kerana tentera² ini sentiasa bertugas

Mr Chairman: Itu ada di-bawah kepala mana?

Tuan Othman bin Abdullah: Per-untokan Mengejut \$40 juta itu, di-minta di-untokkan perbelanjaan² itu-lah. Jadi banyak sangat rayuan² yang berhubung perkara itu jadi

Mr Chairman: Jadi yang saya tahu, atas perbelanjaan perbahathan ini boleh mengurangkan sahaja, hendak tambah itu chakap sambil² lalu tambah tidak apa-lah.

Tuan Othman bin Abdullah: Terima kaseh banyak. Sebab itu-lah daripada \$40 juta saya katakan tadi patut-lah di-peruntokkan kepada perbelanjaan² yang saperti itu supaya gulungan² yang saya katakan tadi akan merasa bahagia bersama² dengan kita. Sekian.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada berbagai² shor yang telah di-kemukakan oleh Ahli² yang

telah berchakap mengenai Peruntukan Pembangunan bagi Kepala 119, 120 dan 121.

Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir menyatakan ia-itu Pejabat Kastam di-Kota Baharu sudah burok dan tidak sesuai dan beliau meminta supaya di-dirikan bangunan yang baharu. Perkara mendirikan bangunan Pejabat Kastam yang baharu di-Kota Baharu itu telah pun dimasukkan di-dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama dan insha' Allah jika kita ada wang untuk pembangunan yang cukup, maka rumah Pejabat Kastam yang di-Kota Baharu itu akan di-dirikan tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Baharu Barat berharap supaya pehak Kerajaan membelikan speed boat, senjata api lebih banyak lagi untuk menchegeh penyeludupan di-Selat Tebrau. Saya rasa perkara ini sudah juga di-sentuh sa-masa kita membahathkan Rang Undang Perbekalan bagi tahun 1967 ini. Beliau juga menyentuh tentang tambahan pegawai² dan perkara ini juga telah di-sentuh. Walau bagaimana pun, saya ingin-lah menyatakan sa-kali lagi ia-itu pehak Kementerian memang-lah sentiasa mengambil berat dan dari satu masa ka-satu masa akan di-tambah segala alat sama ada speed boat-nya atau lain² lagi dan begitu juga pegawai² sesuai-lah dengan berapa banyak wang yang dapat kita adakan untuk menambah baikkan kerja² untuk, terutama sa-kali, di-kawasan Selat Tebrau bagi menchegeh penyeludupan.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu berchakap tentang lari daripada chukai kastam, bukan di-tempat² luar tetapi di-Pejabat² Kastam sendiri dan beliau mengemukakan chontoh joss papers, ubat nyamok di-katakan kertas joss papers, dan dengan demikian berlain-lah bayaran chukai-nya. Dan beliau berharap ia-itu supaya tindakan diambil terhadap sa-siapa juga pegawai sama ada, tidak kira, besar atau tinggi. Yang sa-benar-nya di-dalam Jabatan Kastam, bagaimana juga di-dalam jabatan² yang lain, tiap² pegawai yang

menjalankan kerja dan melanggar pratoran maka tidak kira pegawai itu berpangkat besar atau pun berpangkat kecil atau pun berpangkat sederhana. Undang² akan di-jalankan terhadap mereka yang melanggar undang². Jadi tidak timbul-lah perkara ini. Chuma saya ingin menyatakan ia-itu jika sa-benar-nya perkara ini berlaku, maka bagi pehak Kerajaan, dapat-lah saya memberi jaminan, ia-itu pehak Jabatan Kastam khas-nya dan Kementerian Kewangan 'am-nya, memang-lah sangat mengambil berat supaya perkara² yang sa-macam ini dapat di-elakkan.

Pada masa ini di-dalam sa-suatu hal yang berkenaan dengan corruption (rasuah) ini ada dua pehak yang berkenaan—pehak pegawai Kerajaan yang menjalankan kerja itu dan juga pehak orang ramai sendiri. Pada masa yang telah lalu terutama sa-kali Ahli² daripada Parti Pembangkang sentiasa memandang kapada satu pehak sahaja ia-itu pegawai² tetapi tidak dapat memerhatikan pehak orang ramai yang turut bekerjasama dalam perkara² rasuah. Kalau suatu pehak sahaja yang terlibat maka perkara rasuah tidak akan terjadi. Tetapi yang malang-nya sa-hingga hari ini pehak orang ramai terutama sa-kali dalam perkara mengelakkan chukai atau melarikan chukai atau pun menyeludup pehak berkaitan dengan gulongan pedagang² juga bertanggung-jawab. Sa-lagi di-satu pehak maseh belum cukup mempunyai kesedaran (conscious) maka langkah untuk membasmi penyeludupan atau pengelakan chukai ini sulit dapat kita laksanakan dengan berkesan sa-ratus peratus. Ini masalah yang kita hadapi. Walau pun begitu pehak Kastam dan pehak Kerajaan 'am-nya sedang dan memang-lah berusaha sa-daya upaya untuk menghapuskan sa-berapa yang dapat supaya di-hapuskan sama sa-kali segala rupa penyeludupan dan pengelakan daripada bayaran chukai. Perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu memang-lah dapat perhatian daripada pehak Jabatan Kastam.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Batu menyentuh juga tentang penembakan kapada sa-orang di-Pulau

Pinang. Mengikut Ahli Yang Berhormat itu, orang ini bukan-lah penyeludup. Mula² patut saya menyatakan ia-itu Jabatan Kastam memang-lah megambil perhatian. Tetapi daripada cerita Ahli Yang Berhormat itu sendiri dapat kita memahami. Kalau sa-kira-nya—ini saya kata deduction daripada cerita Ahli Yang Berhormat itu—kalau sa-kira-nya orang itu bukan smuggler (penyeludup), beliau tidak perlu takut, dia tidak perlu lari supaya terpaksa, di-beri amaran tembak. Tetapi bila berjumpa dengan Pegawai² Kastam, maka beliau lari. Jadi ini menimbulkan juga suatu sangkaan di-pehak Kastam. Apabila orang itu lari tentu-lah mereka menaruh churiga dan tentu-lah langkah² akan di-ambil, tetapi kalau tidak lari, tidak apa yang patut di-bimbangkan.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara menyatakan ia-itu beliau tidak pernah mendengar sebarang ranchangan atau ura² daripada pehak Jabatan Kastam atau Kementerian Kewangan untuk memperbaiki perkhidmatan Kastam.

Yang sa-benar-nya pehak Jabatan Kastam dan pehak Kementerian Kewangan seluruh-nya sentiasa memperbaiki perkhidmatan Kastam daripada satu masa ka-satu masa. Jadi kalau di-katakan tidak ada ranchangan sama sa-kali, ini ada-lah satu perkara yang tidak benar. Mithal-nya dari sa-masa ka-samasa Pegawai² Kastam di-beri latehan, begitu juga alat² Pegawai² Kastam menjalankan kerja sentiasa di-perbaiki. Jadi untuk mengatakan tidak ada sa-barang ranchangan Kerajaan memperbaiki Perkhidmatan Kastam, maka ini tidak sama sa-kali tidak tepat.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, what I said that we would like to hear more from the Minister of Finance was how he is improving efficiency in this Department. I did not say there is no improvement on all. We would like to hear in this House, if you want the money, what efficiency and to what extent you are improving from year to year.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, perkara memperbaiki kecekapan (efficiency) Perkhidmatan Kastam tidak-lah di-lupakan oleh pehak Kementerian Kewangan, chuma kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak mendengar daripada pehak Kementerian, saya rasa apabila sampai ketika-nya atau pun jika Ahli Yang Berhormat itu sendiri suka untuk datang ka-Kementerian atau pun ka-Pejabat Kastam sendiri untuk mendapat penjelasan² yang lanjut. Saya rasa kalau hendak di-terangkan di-dalam Dewan ini satu persatu maka akan memakan masa yang panjang. Tentang chadangan²-nya yang lain saya fikir perkara ini mendapat perhatian daripada Kementerian.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara berchakap tentang tambahan alat² dan sa-bagai-nya. Maka perkara ini saya rasa tidak ada apa yang saya hendak ulas ya'ani bila sampai waktu-nya perkara ini akan di-timbangkan oleh pehak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara tadi berchakap fasal hendak membuat rumah² Polis daripada Contingencies Reserve Fund. Untuk peruntukan ini, saya rasa, patut-lah Ahli Yang Berhormat itu membawanya dalam masa membahathkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian² yang berkenaan. Contingencies Reserve ini ia-lah perbelanjaan yang mengejut terpaksa di-keluarkan dengan serta-merta atau urgently atau perbelanjaan² tambahan yang di-perlukan dengan mengejut. Jadi kalau tentang hendak membuat ranchangan rumah Pasokan Polis dan lain² ini, saya rasa elok-lah Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara itu berchakap dalam masa membahathkan perkara² Anggaran bagi perbelanjaan masing² Kementerian itu.

Question put, and agreed to.

The sums of:

\$137,714 for Head 119.

\$3,000,000 for Head 120 and

\$40,000,000 for Head 151 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Sitting suspended at 12.00 noon.

Sitting resumed at 12.10 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair).

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1967

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

Debate resumed:

Head 122—

The Assistant Minister of Education (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya wang sa-banyak \$85 juta di-bawah Kepala 122 dalam Anggaran Pembangunan tahun 1967, menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Wang ini, Tuan Pengerusi, akan di-bahagikan untuk perbelanjaan pembangunan, di-antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor seperti berikut: \$73 juta bagi Negeri² di-Malaysia Barat, \$7.5 juta bagi Sarawak yang mana perpuluhan tiga juta ringgit adalah pinjaman dan \$4.5 juta bagi Sabah.

Oleh kerana sumber² kewangan yang ada bagi perbelanjaan Kerajaan pada tahun 1967 ada-lah sangat terhad, beberapa potongan terpaksa di-buat dalam perbelanjaan pembangunan Kementerian saya, yang banyak melibatkan projek² penting. Sa-terusnya, Anggaran Kementerian tahun 1967, yang merupakan 19% sahaja daripada seluruh peruntukan dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama, menunjukkan sedikit kekurangan jika di-bandingkan dengan \$95.5 juta yang telah di-luluskan bagi tahun 1966. Ini ada-lah jumlah yang kecil sahaja. Tetapi jika di-pandangkan momentum yang meningkat pada tahun² yang lalu dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Pertama memasoki tahun yang kedua maka sepatut-nya di-kehendaki peruntukan lebih daripada 20%.

Dengan kebenaran, Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan dengan ringkas sahaja berkenaan kemajuan yang Kementerian saya telah tercapai dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan-nya bagi tahun 1966 dan

apa yang kami berhadang hendak lakukan dalam tahun ini, mula² saya akan menerangkan rancangan bagi Malaysia Barat dahulu.

Berhubung dengan pembangunan sekolah² mengikut perangkaan samata², 700 buah bilek² darjah baharu bagi sekolah² rendah, dan 600 bilek² darjah baharu serta lebih kurang 150 ma'mal sains dan sains rumah-tangga serta workshop² 'ilmu perusahaan bagi sekolah² menengah telah di-bena pada tahun 1966. Juga 200 workshop 'ilmu perusahaan telah di-lengkapi, 48 daripada-nya telah di-lengkapi di-bawah Bantuan Rancangan Colombo dari Canada. Sa-lain daripada itu beberapa buah sekolah rendah dan menengah telah di-baiki, di-sambong dan ditambah dan di-beri kemudahan² yang mustahak seperti letrik dan ayer, padang permainan, keadaan tandas yang lebih baik. Lebih kurang 62% daripada seluruh perbelanjaan pembangunan Kementerian saya pada tahun 1966 telah di-tumpukan bagi meluaskan lagi kemudahan² pelajaran rendah dan menengah.

Berkenaan rancangan yang sedang di-ranchangkan bagi tahun 1967, yang akan di-titek-beratkan ia-lah perluasan kemudahan² pelajaran menengah dan rendah untuk menampung lebih ramai lagi murid². Wang sa-banyak \$47.5 juta, yang berupa 65% daripada seluruh perbelanjaan asas yang di-chadangkan bagi tahun ini, telah diminta bagi perkembangan pelajaran rendah dan menengah. Sekolah² baharu, bilek² darjah tambahan dan lain² kemudahan pelajaran seperti ma'mal sains dan sains rumah-tangga, workshop² 'ilmu perusahaan, bilek² pelajaran perdagangan, kantin, padang permainan, ayer dan letrik ada-lah di-kehendaki pada tahun 1967 untuk menampung tambahan 81,600 murid² sekolah rendah, 144,750 murid² sekolah menengah dan 4,000 murid² sekolah lanjutan. Sa-lain daripada itu, banyak lagi wang ada-lah di-kehendaki untuk menggantikan bangunan² sekolah yang telah lapok, memberi bekalan ayer dan letrik, padang permainan, dan bagi membena lain² kemudahan pelajaran khas.

Saperti dalam tahun 1966, wang sa-banyak \$2 juta ada-lah di-kehendaki bagi memberikan sumbangan² modal kepada sekolah² Bantuan Penoh yang bukan kepunyaan Kerajaan untuk membolehkan sekolah² ini membuat ranchangan² pembangunan. Wang juga ada-lah di-kehendaki untuk membena rumah guru di-kawasan luar bandar dan asrama² penuntut yang di-pusatkan, dan membuat sambongan² serta pembaharuan² kapada Pejabat² Pelajaran dan Pusat² Penuntut di-seberang laut. Satu lagi ranchangan yang patut di-sebutkan di-sini ia-lah penubohan sa-buah Sekolah Khas yang di-chadangkan, mungkin di-Kuala Lumpur, untuk menampung murid² chachat. Ini ada-lah kali pertama Kerajaan menubohkan sa-buah sekolah jenis ini. Sebelum ini, pertubohan² bersendirilah telah mengadakan kemudahan² saperti itu dengan sedikit bantuan daripada Kerajaan. Ada-lah di-harapkan kerja bagi ranchangusaha ini akan di-mulakan pada tahun ini.

Dalam bidang Pelajaran Pekerjaan, langkah² telah di-buat pada tahun 1966 untuk mengubah sekolah² pertukangan yang sedia ada itu sa-bagai sekolah² pekerjaan yang lengkap yang boleh di-gunakan pada tahun 1968 apabila kumpulan pertama murid² tamat pelajaran sembilan tahun dibawah sistem pelajaran anika jurusan yang di-mulakan pada tahun 1965. Pada tahun 1967 kerja ada-lah di-jangka bermula bagi membena empat sekolah pekerjaan baharu di-Alor Star, Kuala Lumpur, Seremban dan Muar. Untuk menjalankan ranchangan ini sa-banyak \$2.5 juta ada-lah di-kehendaki dalam Anggaran Pembangunan tahun 1967.

Dalam lapangan Latehan Guru, ranchangusaha yang telah siap pada tahun 1966 ada-lah termasuk pembenaan Maktab Latehan Harien di-Ipoh, sambongan² Maktab Perguruan Persekutuan di-Pulau Pinang dan Johor dan peringkat permulaan Maktab Perguruan Teknik di-Jalan Cheras, Kuala Lumpur. Bagi tahun 1967, Kementerian saya telah meminta sa-jumlah \$5.5 juta untuk mengadakan tambahan kemudahan² latehan guru.

Kerja telah pun bermula bagi membena sa-buah Pusat Latehan Guru di-Johor Bahru dan sambongan pada Maktab Perguruan Persekutuan di-Pulau Pinang. Sa-jumlah besar wang telah juga di-ketepikan untuk mengadakan kemudahan² perpustakaan yang chukup bagi tiap² buah Pusat Latehan Daerah di-seluruh negeri ini.

Berhubung dengan pelajaran tinggi di-negeri ini Universiti Malaya telah menyiapkan sambongan Fakulti Sains, Sastera, Kejuruteraan dan Perpustakaan-nya. Dewan Besar Universiti telah juga siap pada waktu-nya untuk membolehkan upacara menyampaikan ijazah di-adakan dalam perkarangannya, bagi pertama kali dalam sejarah Universiti itu. Maktab Pertanian Serdang juga telah menyiapkan beberapa sambongan dengan matalamat mengadakan empat kali ganda bilangan penuntut² yang berkelulusan pada tahun 1969; dan sambongan² telah di-jalankan di-Maktab Teknik untuk menampung lebeh ramai lagi penuntut².

Bagi tahun 1967, sa-banyak \$5.8 juta ada-lah di-kehendaki bagi perkembangan pelajaran menengah lanjutan teknik dan pertanian. Dari jumlah ini \$2.5 juta akan di-gunakan untuk membeli kelengkapan sains dan teknik bagi Maktab Teknik dan untuk perbelanjaan permulaan berhubung dengan penubohan dua buah politeknik di-Ipoh dan Kuala Lumpur. Baki yang \$3.3 juta itu ada-lah di-kehendaki untuk perbelanjaan menyambong Maktab Pertanian, Serdang.

Sa-banyak \$7 juta ada-lah di-kehendaki untuk Universiti Malaya bagi perbelanjaan meneruskan ranchangusaha berhubung dengan Fakulti Sains, Kejuruteraan, Perumahan Kakitangan dan Asrama Penuntut. Universiti itu juga merancang untuk memulakan pembenaan pada tahun ini sa-buah bangunan bagi Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran yang baharu di-tubuhkan dan membuat sambongan pada bahagian Fakulti Sastera dan Sains.

Akhir sekali, wang sa-banyak \$200,000 ada-lah di-kehendaki bagi Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membolehkan Dewan itu mengadakan

perbelanjaan permulaan berhubung dengan chadangan mengadakan tempat untuk jabatan penjualan dan pembahagian yang sangat² di-perlukan.

Tuan Pengerusi, bagi Sarawak, kemajuan pada tahun 1966 ada-lah pada keseluruhan-nya memuaskan, memandangkan pada masaalah² khas serta kesukaran² perhubungan di-sana. Dalam lapangan pelajaran menengah, kerja telah di-mulakan untuk membena 4 buah Sekolah Menengah.

Kerja dan sambongan² telah di-buat kepada 14 buah Sekolah Menengah Kerajaan. Pemberian Bantuan telah di-buat kepada "Agency" Pelajaran yang menguruskan sekolah² rendah dan sajumlah 290 bilek darjah, 141 rumah guru dan beberapa banyak lagi ranchangusaha modal yang besar² telah di-jalankan. Bantuan² yang sama juga telah di-buat kepada "agency" yang berkenaan itu dengan pihak Pengurus Sekolah² Menengah yang di-Bantu untuk membena 75 bilek darjah, 14 ma'mal sains dan lain² bahagian kecil². Berhubung dengan latehan guru² peringkat kedua Maktab Latehan Rajang hampir siap.

Tahun 1967 ada-lah satu tahun yang penting bagi Sarawak. Beberapa ranchangusaha yang besar² yang di-mulakan dalam tahun 1966 ada-lah di-jangka siap pada tahun ini. Bagi pelajaran menengah, sa-banyak 24 ranchangusaha ada-lah di-teruskan yang telah bermula pada tahun 1966.

Kerja bagi tiga ranchangusaha baharu untuk mengadakan tambahan Kemudahan pelajaran menengah akan juga di-mulakan pada tahun ini.

Di-bawah ranchangan pelajaran teknik dan pekerjaan kerja bagi peringkat pertama Sekolah Pekerjaan Kuching akan di-mulakan pada tahun ini; di-dalam lapangan latehan guru pula, Maktab Latehan Rajang di-jangka siap pembenaan-nya pada tahun ini.

Bagi negeri Sabah pula, kemajuan yang terchapai pada tahun 1966 ada-lah memuaskan. Yang di-utamakan ialah mengadakan kemudahan bagi pelajaran² rendah dan menengah dan lebih kurang \$2.5 juta telah di-belanja-

kan bagi ranchangan ini. Wang sa-banyak \$2.5 juta telah di-bahagikan² sa-bagai pemberian bantuan ka-sekolah² rendah dan menengah yang di-bantu untuk membolehkan sekolah² itu membuat sambongan dan lain² kerja yang besaran². Dalam lapangan pelajaran teknik, kerja permulaan bagi membena sekolah pekerjaan di-Jesselton telah di-mulakan dan dalam lapangan latehan guru pula lebih kurang \$750,000 telah di-belanjakan untuk membuat sambongan bagi Maktab² Latehan Guru di-negeri itu.

Pada tahun 1967 usaha² utama akan di-tumpukan bagi mengadakan lebih banyak lagi kemudahan² pelajaran rendah dan menengah di-Sabah dan untuk tujuan ini wang sa-banyak \$2.2 juta ada-lah di-kehendaki. Ada-lah di-jangka kerja akan di-mulakan bagi membena tiga puluh sekolah rendah baharu dan 40 ranchangusaha untuk menggantikan dan menyambung sekolah² rendah yang sedia ada itu. Di-bawah ranchangan pelajaran menengah sa-banyak \$1.2 juta ada-lah di-kehendaki untuk menyudahkan 10 ranchangusaha besar yang telah di-mulakan pada tahun 1966.

Di-bawah ranchangan Pelajaran Teknik bahagian besar pembenaan sekolah pekerjaan di-Likas, Jesselton ada-lah di-jangka siap pada tahun ini dan sa-banyak \$700,000 telah di-utangkan bagi ranchangan ini. Bagi Ranchangan Latehan Guru pula sa-banyak \$700,000 ada-lah di-kehendaki untuk membuat sambongan dan pembaharuan kepada Maktab Gaya, Jesselton, Maktab Kent Tuaran dan Maktab Latehan Guru, Sandakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya memang-lah sedar tentang kerosakan di-bangunan² sekolah akibat banjir yang berlaku baharu² ini. Saya sedang membuat suatu penyiasatan untuk mengetahui kerosakan yang sa-benar, dan langkah² yang patut di-ambil untuk mengatasi-nya. Kami memang-lah akan memberi keutamaan untuk membena sa-mula dan memperbaiki mana² bangunan sekolah yang di-rosakkan oleh banjir.

Dengan keterangan² rengkas ini, Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan:

Tuan Pengerusi, saya chuma hendak berchakap sadikit sahaja di-atas Kepala 122 ini, ia-itu Pechahan-kepala 1—Pelajaran Rendah. Saya dapati bilek² darjah, sungguh pun bagaimana di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran tadi, pada tahun yang sudah telah di-bena 700 dan 600 bilek darjah bagi sekolah rendah, maka saya dapati bilek² darjah bagi sekolah rendah ini maseh belum menchukupi, terutama sekali kapada murid² Darjah I dan Darjah II maseh lagi mendudoki di-dalam satu bilek darjah yang di-anggarkan sabanyak 40 atau 45 orang. Maka, tentu-lah susah sekali guru² yang di-tugaskan untok mengajar darjah satu dan darjah dua ini untok memasokkan pelajaran atau menarek semangat budak daripada umur enam tahun dan tujuh tahun itu.

Jadi, apa yang saya harapkan kapada Kementerian ini perhatian berat mesti-lah di-berikan di-atas mengadakan bilek² darjah yang lebeh banyak dalam Darjah I dan Darjah II ini, supaya dapat-lah tiap² satu darjah itu di-tetapkan murid² sa-ramai sa-lebeh² di-dalam 25 orang, dan dapat-lah guru mengajar dengan tidak payah menge-luarkan suara yang kuat, dan dapat-lah dia mendidek anak² kita yang baharu masok sekolah itu. Kerana, dalam masa pembangunan ini, dalam masa perkembangan di-negara kita, saya dapati anak² kita yang mula² masok ka-dalam darjah rendah ini, daripada Darjah I dan Darjah II ini patut di-berikan didekan yang utama kapada mereka itu. Jangan-lah kita pandangan untok membesarkan Universiti kita, untok membesarkan sekolah menengah kita. Pada pendapat saya, kita wajib mesti membagi kemudahan kapada anak² kita yang kechil dalam Darjah I dan II dalam sekolah rendah itu. Sekian, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: I rise to speak on Head 122, Sub-head 6, University

of Malaya, the allocation for this year being \$7,000,000.

Mr Chairman, Sir, the Assistant Minister of Education, in his speech, has touched on the various projects that are now under construction and will be completed. I wish to point out that this figure of \$7 million represents payments for projects which have been started—most of them have been started last year—and will come to fruition this year, with the result that projects which have been on the drawing board last year have to be drastically curtailed for this year. It is no secret that it was through the kind co-operation of the Ministry of Education, who have scrounged and scrimped from other projects, that the University of Malaya has been able to carry out the very modest expansion that it is about to undertake this year. It is also no secret that this expansion cannot take place, were it not for the Ministry borrowing \$1 million from the University's accumulated funds, so that the University can carry out its expansion programme.

Now, Mr Chairman, Sir, I agree that there is a case that primary schools should have the attention of the Ministry of Education but University education, the apex of the educational system in this country, also must have its fair share of the cake, particularly, so, Sir, when now we know that education fees, university fees, in the United Kingdom being raised from £70 to £250. So, even the tycoons, who can afford to send their children abroad, now will have to think twice because the fees have gone up by more than three times. I am told and I do not know whether the figures are accurate or not—that a sum of about \$12 million flows out of this country for the education of the children of Malaysian, whether they go to the United Kingdom or to Australia or to Hongkong. Now, if a good deal of this money were not spent abroad, but were spent in developing educational facilities, in particular the University of Malaya, then there will not be so much *susah hati* amongst the parents in this country. It is no secret that every year that goes by, more

and more students who pass the H.S.C. find it more and more difficult to get into the University of Malaya. This is because the physical space is not sufficient. And, because of this, children who deserve a place in the University of Malaya cannot find a place.

Take, for example, the Faculty of Medicine. There have been in the past about 60 places for the second year, and last year I think it was not 60, but it was less than that. Now, the decision has been made to take about 60 in the second year and 40 in the first. There are, I am reliably informed, more than 300 students seeking admission, which means possibly that two in three cannot get admission into the University of Malaya. Now, all of them are qualified to get into the Faculty of Medicine but, because of the lack of space, they cannot do medicine, and this country is desperately short of doctors as the Parliamentary Secretary to the Minister of Health can bear me out. With the result what do they do? They look around and find whether they can get places. But places in medical schools the world over are at a premium. You just cannot get in to medical schools abroad nowadays, unless you happen to get a quadruple A in the H.S.C. Examinations, in which case you can easily get into the University of Malaya. Consequently, I wish to draw the attention of the Ministry of Education that in view of the fact that if they expand the facilities in the Pantai Valley, you can save foreign exchange that is flowing out every year, and you can cater for the needs of those who pass in the H.S.C. Examination. And as the years go by, Mr Chairman, Sir, more and more will pass the H.S.C. Examinations, more and more will enter the Lower VI in the various schools and more and more will be knocking at the doors of the University of Malaya. Consequently, unless you expand the facilities in the University of Malaya, these people will be frustrated, these people who cannot get places elsewhere will be a burden on the taxpayers of this country. Perhaps, having passed the Form VI if they

migrate to the 08 gang or the Wah Kee, or the other secret societies, they will be more difficult to be caught by the Police.

There is one other aspect of the University of Malaya that I wish to touch on, Mr Chairman, Sir, and that is the vetting of lecturers. When I spoke on this subject during the debate on the ordinary expenditure of the Ministry of Education, the Minister of Education quite rightly pointed out that this vetting is normal for foreigners, and I agree that foreigners coming into this country should be vetted before they are allowed to come to this country. More than that, I will agree that for sensitive posts, like the Cypher clerks in the Ministry of Foreign Affairs, like the jobs in the Special Branch, like service in the Foreign Service, these are sensitive jobs and properly speaking, in order to prevent any intelligence scandals, the candidates for employment should be vetted very carefully, their pedigree probably should be looked after, perhaps, two or three generations back if that is possible. But what I wish to say today is that the vetting applies to local citizens as well, and this is all I cannot understand, because unless it is postulated that the University

The Parliamentary Secretary to the Ministry of Health (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Sir, we are now debating the Development Estimates, development of buildings and materials, and not development of brain matter of any individual being!

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I cannot understand the interruption by the Parliamentary Secretary to the Minister of Health because, if the buildings are not made use of by the brain matter that exists in the University of Malaya what are we here for? Unless, he is postulating that this white elephant that we build in Pantai Valley, should not be occupied by the lecturers, and I have every right to touch on the lecturers, who will be using these buildings. Mr Chairman, Sir, but I shall not be very long, Sir,

these lecturers, local lecturers, unless it is postulated that the University of Malaya is a sensitive spot where top secrets of the nation are handled by the university lecturers, I do not see any reason why the local lecturers should be vetted by the P.M's Department and, despite what the Ministry of Education says, I say that this is being vetted by the P.M's Department. Sir, as I have said it before, this is all very hush hush. These things are not discussed in the University Council. Very few members of the University Council know about this hush hush vetting. Perhaps, one or two chaps in the university are part and party to this vetting, and these are the people who are willing to sell the University of Malaya down the drain, in order to please their masters in the P.M's Department. Now, I say this is a very serious thing, because I do know for certain that one Malaysian, a Malaysian lecturer, has been blackballed all because his name has been sent to the P.M's Department. There has been a blackball against his name, and he cannot get a job. I have asked questions about his appointment and the answer is, of course, it is a standard answer—he has been found wanting academically. Now, against that, of course, we cannot ask any questions. The Board of Selection in its wisdom says he has been found wanting and this much I can say; in the University Council meeting academic people have come forth and said that this person is eminently suited for this job academically. Consequently, for local citizens, Mr Chairman, Sir, we do know that other considerations than academic are being considered by the powers that be. If it were let to the University administration, if it were left to the University Council I will say, and I can say truthfully, that only in the selection of the lecturers or senior lecturers leaders and professors of the University of Malaya, only academic considerations should be taken into account whether he has been a pseudo communist or a fellow traveller, that has nothing to do with the selection of an academic member of the staff.

If it is because of security risk, I can understand, but one can see how this can lead to abuse just because someone who does not like some of these local people whose names are sent for vetting, he is blackballed and he can never hope to have a job in the University of Malaya. Now, Mr Chairman, Sir, this vetting of local . . .

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan): May I ask the Honourable Member whether this: without vetting how can we know that particular lecturer is or is not a security risk?

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, all I can say is that for local citizen we have been assured by the Minister of Education that there is no vetting. But what I am saying is this: that the Minister himself does not know that this vetting goes on for local citizens as well. In the case of foreigners, I can understand—perhaps, although I do not approve of it I can understand. But I cannot understand, and I do not approve of the vetting of the local citizens for jobs in the University of Malaya. This much I can say—I have said it before and I say it again—that if it is generally known in academic circles abroad that vetting of this nature takes place, then this University of Malaya will be staffed by second rate teaching staff, professors, lecturers and the like, producing their third rate graduates. Thank you.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berchakap atas Kepala 112 mengenai peruntukan sekolah rendah, saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya memberikan wang peruntukan kepada Sekolah Rendah Kampong Majidi Bahru kerana memandangkan penduduk disitu telah hampir lima ribu orang. Tiga tahun dahulu saya telah merayu dan pihak Kementerian telah mengaku akan membena sekolah di-kawasan tersebut pada tahun 1964. Tetapi dari sa-tahun ka-satahun maseh juga belum di-bena. Maka baru² ini saya juga telah membuat rayuan dengan surat dan Kementerian telah mengaku akan

mendirikan sekolah itu pada tahun 1967. Dengan ini kami berharap supaya perjanjian itu dapat di-tepati kerana kita memandangkan mustahak di-kawasan itu di-dirikan sa-buah sekolah rendah kebangsaan bagi kepentingan anak² kita yang ada di-kawasan yang tersebut.

Di-samping itu kami juga merayu kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat atas Sekolah Rendah Kebangsaan Khir Johari yang letak-nya di-Kampung Melayu Majidi yang mana pada tahun 1966 pehak Kementerian telah memberikan wang peruntukan sa-banyak \$5,000 untuk membena padang permainan dan juga pagar. Tetapi oleh sebab wang yang sa-banyak itu tidak dapat di-gunakan atau di-belanjakan untuk membuat kelengkapan, maka wang itu terpaksa di-kembalikan semula kerana kekurangan di-sekolah itu bukan sahaja hanya pagar dan padang permainan, bahkan banyak lagi perkara yang perlu di-bena di-sekolah yang tersebut sedangkan kelengkapan-nya maseh di-dalam serba serbi kekurangan. Dengan sebab ini-lah maka Juma'ah Pengurus sekolah tersebut, kalau tidak silap saya, telah empat kali menghantar surat permohonan kepada pehak yang berkenaan meminta bantuan kerana, sa-lain daripada membuat padang permainan, menambah tandas, memagar kawasan sekolah, membuboh minyak tar di-dalam kawasan dan sakeliling sekolah. Sa-lain daripada itu mereka memohon juga 100 buah meja kerusi murid² jenis (C), 15 buah gerobok dan 15 buah almari buku². Ini ia-lah kerana kekurangan kerana menggantikan barang² yang telah burok.

Tuan Pengerusi, Nazir Bebas yang melawat sekolah tersebut telah pun mengshorkan supaya di-beri kemudahan² bagi menchapai taraf sekolah² yang maju dan menjadi contoh kepada sekolah² rendah yang lain ia-lah dengan menambah 12 bilek² darjah, tiga buah setor menyimpan barang², satu bilek rawatan gigi, bilek guru, bilek kutub khanah, dewan tetamu atau dewan pelawat² serta memasang 22 buah lampu² darjah,

10 buah kepala paip ayer, 27 buah kipas angin untuk bilek² darjah dan jaring² besi bagi keselamatan jendela.

Bagi diri saya pula, Tuan Pengerusi, untuk menguatkan permohonan supaya pehak Kementerian Pelajaran memberikan pertimbangan yang sawajar-nya kapada peruntukan wang yang di-perlukan oleh Sekolah Rendah Khir Johari ini, ia-lah atas pandangan yang saya saksikan sendiri di-waktu saya melawat ka-sekolah tersebut yang mana saya dapati sekolah ini hanya ada dua buah kepala paip ayer. Sa-buah untuk di-gunakan oleh kantin dan sa-buah lagi untuk kegunaan men-chuchi parit. Tetapi paip ayer ini telah di-gunakan oleh kanak² melepaskan dahaga dan saya lihat kanak² yang menunggu giliran menyorongkan mulut-nya di-munchong paip itu, samalah seperti kita melihat penggemar² bola sepak yang menunggu giliran membeli tiket kerana menuntut perlawanan bola yang sangat² menarek itu. Saya sunggoh kasehan melihat kanak² itu di-masa rehat dengan muka yang merah padam kerana kehausan. Kadang² ada yang ta' sempat hendak mengangkakan mulut-nya menegok ayer di-paip itu locheng pun berbunyi memanggil masok ka-bilek darjah masing².

Sa-lain dari itu saya lihat juga beratus² kanak² yang menunggu di-luar bangunan sekolah untuk belajar di-sabelah petang. Mereka ini datang awal ka-sekolah kerana ada yang tinggal jauh bimbangkan hari hujan dan sa-bagai-nya. Tetapi oleh kerana sekolah ini tidak dapat menerima sakali gus murid²-nya yang berjumlah 1,400 orang belajar sa-rempak pada satu masa, maka terpaksa-lah dibagikan dua—pagi dan petang. Dalam pada itu ada pula yang di-tumpangkan belajar di-bangunan masjid lama. Saya lihat di-masjid ini kanak² yang belajar semua-nya ta' pakai sepatu dan guru yang mengajar hanya pakai setokin sahaja. Ini ia-lah kerana menghormati tempat ibadat kita yang mulia terpaksa-lah di-buka sepatu dan ditinggalkan di-luar pintu.

Jadi, dengan apa yang saya katakan tadi, saya harap benar²-lah mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri

Pelajaran kita. Sebab, nama sekolah rendah ini ada-lah di-ambil sempena dari nama beliau. Sudah pada tempatnya-lah beliau mengambil berat sedikit di-atas nasib kanak² yang ber-naong dan belajar di-bawah bumbong Sekolah Khir Johari itu. Sebab sa-tiap benda di-pohonkan itu ada-lah bagi keselamatan kanak² yang berjumlah beribu² orang, di-samping menjaga nama baik Kerajaan kita yang bertanggung-jawab atas kepentingan² sekolah tersebut.

Dan juga, Tuan Pengerusi, bagaimana yang saya katakan tadi, bahawa Sekolah Rendah Kebangsaan Khir Johari ada-lah sekolah rendah yang terbesar, bukan sahaja di-negeri Johor, bahkan di-seluruh Malaysia. Hanya saya dapat tahu di-kawasan Padang Terap, Kedah, ada mempunyai sekolah rendah yang murid-nya sama juga bilangan-nya sa-banyak 1,400 orang tetapi tidak-lah saya ketahuī ada-kah sekolah itu telah menchukupi kelengkapan² yang memuaskan hati bagi pendudok² di-situ.

Sekian-lah, lagi sa-kali saya merayu kepada pehak Kementerian supaya rayuan saya ini tidak di-sia²kan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: (*Rises*).

Mr Chairman: Sudah chukup masa.
House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1967, telah sampai kepada Kepala 122 bagi Jadual dalam Rang Undang² ini.

ADJOURNMENT

(Motion)

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan, Bahawa pertimbangan urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tanggohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang.

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Bahawa pertimbangan urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tanggohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi hari Ithnin, 27hb Februari.

Adjourned at 1 p.m.